

# ***NUSYUZ, SHIQAQ*** **DAN HAKAM**

Menurut Al-Quran, Sunah  
Dan Undang-Undang Keluarga Islam

**NORZULAILI MOHD GHAZALI**  
**WAN ABDUL FATTAH WAN ISMAIL**



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

*NUSYUZ, SHIQAQ DAN HAKAM*  
MENURUT AL-QURAN, SUNAH  
DAN UNDANG-UNDANG  
KELUARGA ISLAM



*NUSYUZ, SHIQAQ* DAN HAKAM  
MENURUT AL-QURAN, SUNAH  
DAN UNDANG-UNDANG  
KELUARGA ISLAM

Penulis

NORZULAILI MOHD GHAZALI  
WAN ABDUL FATTAH WAN ISMAIL

Penerbit

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Bandar Baru Nilai

Negeri Sembilan

2006

**CETAKAN PERTAMA 2007**

Hak cipta Kolej Universiti Islam Malaysia, 2007

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan di Malaysia oleh  
Penerbit KUIM

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM)**

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel:06-7988045 Faks: 06-7991309

Reka bentuk oleh

**ONLINE PRINTING NETWORK SDN BHD**

12-16, Jalan Sri Jati 2  
Taman Sri Jati, Off Jalan Puchong  
58200 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Norzulaili Mohd Ghazali

Nushuz, Shiqaq dan Hakam menurut Al-Quran, Sunah dan Undang-undang keluarga Islam / Norzulaili Mohd Ghazali, Wan Abdul Fatah Wan Ismail.

Bibliografi: ms. 105

ISBN 983-2950-38-4

1. Domestic relations (Islamic law)

2. Husband and wife (Islamic law)

346.015088297

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

2. Marriage (Islamic law)

1. Wan Abdul Fatah Wan Ismail

# KANDUNGAN

	Halaman
Prakata	vii
Dedikasi	ix
Senarai Kes Yang disebut	x
Pendahuluan	xi

## BAB I

---

### *NUSYUZ DAN SYIQAQ*

Definisi <i>Nusyuz</i>	1
Nas-Nas al-Quran dan Sunah Mengenai <i>Nusyuz</i>	3
Pembahagian <i>Nusyuz</i> dan Kaedah Penyelesaiannya	5
Definisi <i>Syiqaq</i>	26
Nas-Nas Mengenai <i>Syiqaq</i>	26
Perbezaan Antara <i>Nusyuz</i> Dan <i>Syiqaq</i>	28
Kaedah Penyelesaian <i>Syiqaq</i>	28

## BAB II

---

### KONSEP HAKAM SECARA UMUM

Pengertian Hakam	32
Dalil-Dalil Pensyariatan Hakam	35
Hukum Pelantikan Hakam	39
Tanggungjawab Melantik Hakam	43
Keperluan Melantik Hakam	47

## BAB III

---

### KONSEP PELAKSANAAN HAKAM MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Syarat-Syarat Kelayakan Hakam	49
Peranan Dan Bidang kuasa Hakam	53
Perbezaan Antara Hakam, Jawatankuasa Pendamai dan Sulh	68
Tatacara Pelantikan Hakam Menurut Undang-Undang Keluarga Islam	75
Penutup	91
Bibliografi	95

# PRAKATA

Membina sebuah keluarga bahagia merupakan impian setiap individu tidak kira bangsa dan agama. Untuk mencapai kebahagiaan yang diimpikan, Islam telah meletakkan beberapa garis panduan bermula daripada kaedah memilih pasangan dengan meletakkan syarat dan rukun perkahwinan sehinggalah kepada menangani konflik yang berlaku dalam keluarga. Islam amat menitikberatkan soal keharmonian rumah tangga kerana sebuah negara yang aman dan kuat adalah hasil daripada gabungan masyarakat yang bersatu padu dan masyarakat yang bersatu padu pula lahir daripada institusi keluarga yang harmoni.

Tidak ada pasangan yang inginkan konflik dalam rumah tangga, namun konflik yang tidak diinginkan itu hadir tanpa diundang. Kadangkala konflik boleh memamatkan seseorang individu. Namun, jika konflik yang melanda gagal ditangani dengan baik dan tepat ia akan mengundang bencana yang besar seperti keruntuhan rumah tangga.

Antara faktor yang mendorong berlakunya konflik dalam rumah tangga ialah *nusyuz* dan *syiqaq* samaada dari pihak suami atau isteri atau kedua-duanya sekali. Menyedari kepentingan menangani konflik yang disebabkan oleh *nusyuz* dan *syiqaq*, maka buku ini cuba menjelaskan konsep *nusyuz* dan *syiqaq* secara umum serta kaedah yang perlu digunakan bagi menghadapi gejala *nusyuz* berdasarkan al-Quran dan Sunah. Buku ini juga bertujuan menjelaskan konsep Hakam yang menjadi kaedah penyelesaian dalam kes-kes *syiqaq* menurut syarak. Selain itu ia juga bertujuan menjelaskan pelaksanaan

Hakam, peruntukannya dalam Enakmen atau Akta Keluarga Islam dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah khususnya di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Peruntukan mengenai Hakam yang terdapat dalam Enakmen atau Akta Undang-undang Keluarga Islam bersifat umum yang menyebabkan berlaku kekeliruan dan perbezaan dari segi amalannya. Untuk mengatasi permasalahan ini, satu jawatankuasa telah dibentuk yang ahli-ahlinya terdiri daripada para Hakim dan pengamal Undang-Undang Syariah. Hasil daripada perbincangan yang telah dibuat, maka terguballah “Amalan Hakam Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005” untuk dijadikan panduan dalam pelaksanaan Hakam.

## DEDIKASI

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan buat suami tercinta, Mohd Sahfrizal Anuar serta anak-anak tersayang, Izzatul Bushra dan Izzat Bashir untuk sokongan dan galakan sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

- Norzulaili Mohd Ghazali -

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat isteri tersayang, Norma, anak-anak tercinta Wan Nurul Hannan dan Wan Nurul Amni kerana amat memahami kesibukan dan komitmen yang tinggi untuk menghasilkan buku ini.

- Wan Abdul Fattah Wan Ismail -

## SENARAI KES YANG DISEBUT

- Hasni bt. Hashim lawan Mohd. Yuslan b. Yusuf
- Wan Samarang bt. Wan Mansor lawan Danial b. Abdullah
- Zakaria b. Mamat lawan Hanifah bt. Dollah
- Zalina b. Muhammad lawan Wan Muhammad Hishamuddin b. Yusuf
- Muhammad Najib b. Yahya lawan Nur Ruhana bt. Awang
- Noor Aida bt. Ma' Amin lawan Wan Muhammad Zamri b. Wan Ismail
- Azizah bt. Awang Puteh lawan Zuhan b. Jaafar
- Suridah bt. Hashim lawan Mohd Nuh b. Hashim
- Hamimah bt. Zakaria lawan Nasir b. Ahmad.

# PENDAHULUAN

Konflik bukanlah satu isu yang asing dalam kehidupan berumah tangga, lebih-lebih lagi dengan suasana masa kini, pasangan banyak terdedah dengan unsur-unsur negatif yang boleh menjurus ke arah tersebut. Sejak akhir-akhir ini isu keruntuhan rumah tangga semakin menjadi-jadi sehingga membawa kepada peningkatan kes perceraian yang semakin serius. Namun setiap konflik rumah tangga tidak semestinya diakhiri dengan perceraian kerana masih terdapat kaedah-kaedah lain yang dianjurkan oleh Islam bagi mengembalikan semula keharmonian rumah tangga. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya konflik dalam rumah tangga, kadangkala ianya berpunca dari pihak isteri (*nusyuz* isteri) atau suami (*nusyuz* suami) atau kedua-dua merupakan punca kepada timbulnya konflik (*syiqaq*).

Perkataan *nusyuz* telah disebut dalam al-Quran sebanyak lima kali yang memberi pelbagai maksud daripada segi bahasanya. Menurut istilah syarak *nusyuz* merupakan suami atau isteri yang cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pasangan sebagaimana yang telah diamanahkan oleh Allah SWT tanpa ada sebarang alasan untuk tidak melaksanakan amanah tersebut melainkan terdapat keuzuran syarie.

Perkataan *nusyuz* begitu sinonim dengan sikap isteri yang ingkar atau tidak bertanggungjawab terhadap suaminya. Namun hakikatnya *nusyuz* juga berkemungkinan berlaku pada suami iaitu suami yang tidak melaksanakan tanggungjawab, tidak menunaikan hak-hak isteri dan tidak berlaku adil dalam berpoligami. Berdasarkan realiti semasa dan hasil kajian yang telah dibuat kadar *nusyuz* di kalangan lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan perempuan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kes-kes perceraian.

Islam telah menggariskan beberapa kaedah penyelesaian yang perlu diambil bagi menghadapi nusyuz isteri mahupun suami. Dalam surah al-Nisa ayat 34 secara jelas Allah SWT telah menggariskan kaedah yang perlu diambil oleh para suami tatkala menghadapi isteri yang *nusyuz* iaitu nasihat, pemuluan dan memukul yang tidak mencederakan. Sekiranya ketiga-tiga kaedah telah digunakan namun tidak dapat mengubah sikap *nusyuz* isteri, maka suami perlu meminta bantuan pihak luar termasuk ahli keluarga yang berkemampuan atau terus meminta bantuan nasihat daripada pihak Hakim bagi mengembalikan keharmonian rumah tangga.

Dalam ayat 127 surah al-Nisa, Allah SWT juga telah menegaskan kaedah yang perlu dilaksanakan oleh isteri bagi menghadapi suami yang *nusyuz*. Kaedah yang dimaksudkan ialah nasihat, pemuluan dan perdamaian dengan cara isteri mengurangkan haknya seperti nafkah, mas kahwin yang tertanggung dan seumpamanya bagi menjernihkan suasana. Sekiranya kaedah-kaedah tersebut belum dapat menginsafkan suami yang *nusyuz*, maka isteri perlu merujuk kepada pihak luar termasuklah Hakim.

Sekiranya kedua-dua suami isteri telah terlibat dengan *nusyuz* dan sentiasa berbalah antara mereka, maka pihak luar terutamanya Hakim hendaklah memainkan peranan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Melalui pengamatan yang dibuat oleh Hakim dan telah menemui puncanya maka Hakim hendaklah menggunakan kuasanya untuk membuat keputusan sama ada mendamaikan atau sebaliknya. Sekiranya Hakim gagal menemui punca perbalahan, maka ketika itu Hakim hendaklah melantik dua Hakam bagi meneliti punca-punca perbalahan yang berlaku. Salah seorang Hakam dilantik untuk pihak isteri dan seorang lagi bagi pihak suami.

Hakam merupakan pihak-pihak yang dilantik oleh mahkamah untuk membantu meneliti punca-punca berlakunya perbalahan antara suami isteri. Hakam yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat yang

telah ditetapkan oleh syarak untuk memastikan keberkesanan peranan mereka dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Para ulama berselisih pendapat mengenai beberapa persoalan berkaitan pelantikan Hakam terutamanya syarat-syarat kelayakan seseorang Hakam.

Enakmen atau akta di negeri-negeri termasuklah “Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984” tidak memperuntukkan secara jelas mengenai konsep *nusyuz* dan kaedah yang perlu dibuat untuk menghadapi pasangan yang *nusyuz*. Justeru para Hakim akan merujuk kepada kitab-kitab yang muktabar terutama dalam mazhab Shafie bagi mengetahui konsep *nusyuz* yang kadangkala membawa kepada pelbagai pentafsiran.

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menyatakan, sekiranya berlakunya perbalahan maka pasangan akan terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Pendamai sebelum perlantikan Hakam dibuat. Perlantikan Hakam akan dibuat apabila pasangan enggan bercerai atau suami enggan melafazkan cerai setelah diminta berbuat demikian. Terdapat peruntukan mengenai Hakam dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Namun dalam waktu yang sama, terdapat beberapa peruntukan yang tidak begitu jelas terutamanya mengenai tempoh, kuasa Hakam dan lain-lain lagi. Keadaan tersebut menyebabkan berlakunya kecelaruan dan ketidakselarasan dalam melaksanakan penghakaman di kalangan para Hakim.

Bagi menyelesaikan permasalahan tersebut, satu perbincangan telah buat oleh Jabatan Kehakiman Islam Malaysia (JKSM) yang melibatkan pakar undang-undang Islam terdiri daripada ketua-ketua Hakim negeri dan pengamal undang-undang Islam. Hasil daripada perbincangan tersebut maka terbentuklah “Amalan Hakam Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005”. Dengan penggubalan Amalan Hakam Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005” banyak membantu para Hakim melaksanakan proses penghakaman dengan cara lebih kemas dan tersusun.

## **NORZULAILI MOHD GHAZALI**

Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Mula berkhidmat dengan KUIM pada April 2001 sebagai tutor dan dilantik sebagai pensyarah pada 29 Jun 2004. Memiliki Sarjana Muda Fiqh dan Usul Fiqh dari Al a-Bayt Universiti, Jordan dan Sarjana Pengajian Islam (Syariah) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Menulis dan membenteng kertas kerja dalam seminar peringkat fakulti, kebangsaan dan antarabangsa

## **WAN ABDUL FATTAH BIN WAN ISMAIL**

Pensyarah, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Sebelum berkhidmat di KUIM pada 1 September 2004, penulis telah berkhidmat di Universiti Kuala Lumpur selama tiga tahun. Lulusan Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Syarie dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam) dari Universiti Yarmouk, Jordan dan Sarjana Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Menulis buku dan membenteng kertas kerja dalam seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta beberapa rencana dalam akhbar dan majalah tempatan.

ISBN 978-983-2950-38-7



9 789832 950387